

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan cadangan menaik taraf Sungai Keroh dan tempat-tempat lain di Kepong satu tempat menarik untuk dilawati.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi cadangan menaiktaraf Sungai Keroh dan tempat-tempat lain di Kepong sebagai satu tempat menarik untuk dilawati adalah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG (KEPONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan cadangan menjadikan Kampung Baru Cina Jinjang satu tempat menarik untuk dilawati dan cadangan satu pintu gerbang baru di Jinjang yang dihiasi lampu berwarna-warni.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ada menyediakan peruntukan di bawah Program Pembangunan Kampung Baru di seluruh negara yang merangkumi Program Pembangunan Infrastruktur, Program Bantuan Baik Pulih Rumah dan Program Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada projek-projek pembaikan ataupun projek menaik taraf infrastruktur asas sedia ada yang memberi impak dan keselesaan kepada penduduk kampung tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPKT menyambut baik cadangan YB Kepong untuk menjadikan Kampung Baru Jinjang sebagai satu tempat menarik. Kementerian ini mengalu-alukan sebarang cadangan permohonan projek kritikal atau berimpak tinggi untuk Kampung Baru Jinjang. Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Baru di kawasan Parlimen Kepong boleh mengemukakan permohonan cadangan tersebut kepada KPKT melalui Pegawai Kemajuan Perkampungan (PKP) Daerah untuk pertimbangan.